

# KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA  
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya  
No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## KELULUSAN KPDNHEP KEPADA SYARIKAT UNTUK BEROPERASI TERPAKAI SEPANJANG PEMANJANGAN TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Berikutan pengumuman perlanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia oleh YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) ingin memaklumkan perlanjutan kebenaran yang telah diberi kepada syarikat-syarikat untuk meneruskan operasi sepanjang tempoh perlanjutan PKP sehingga **14 April 2020**. Kebenaran yang telah diberikan kepada syarikat untuk meletakkan mesin dalam keadaan siap siaga juga turut terpakai.

Pemain industri yang terdiri daripada pengeluar, pemborong, logistik, peruncitan dan e-dagang yang telah diberikan **pengesahan untuk beroperasi** sepanjang tempoh PKP oleh KPDNHEP dibenarkan untuk meneruskan operasi sepanjang tempoh PKP. Namun pelaksanaan pengoperasian PKP seperti waktu operasi adalah tertakluk kepada arahan lain daripada Majlis Keselamatan Negara, Kerajaan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan. Kementerian berharap agar pemain industri memberi kerjasama penuh sepanjang tempoh PKP dan mematuhi syarat-syarat untuk beroperasi yang telah ditetapkan.

Surat pengesahan KPDNHEP kepada pemain industri hanyalah melibatkan **sektor bekalan makanan dan perubatan**. Pengesahan tersebut juga dipanjangkan kepada setiap rangkaian pengedaran serta sub-sektor yang menyokong dan membantu pemain industri dalam sektor bekalan makanan dan perubatan.

Selain itu, kebenaran untuk bekerja hanya terpakai kepada pekerja-pekerja yang disenaraikan di dalam permohonan syarikat yang diluluskan oleh KPDNHEP. Pihak majikan perlu menyediakan salinan surat kelulusan KPDNHEP berserta lampiran senarai pekerja untuk memudahkan pergerakan pekerja-pekerja terbabit ke tempat kerja, menghantar bekalan dan pulang ke lokasi kediaman. Ini adalah penting bagi memastikan penularan virus COVID-19 dapat dibendung secara efektif.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, pihak pemain industri dan orang ramai boleh menghubungi Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP) di talian *hotline* **03- 8882 5881/ 5905** atau emelkan kepada [spip@kpdnhep.gov.my](mailto:spip@kpdnhep.gov.my).

**YB Datuk Alexander Nanta Linggi**  
**Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna**  
**1 April 2020**

**-TAMAT-**

---

**Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP)**  
**KPDNHEP**